

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA KONVENSYEN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI NEGARA**  
**(NAFAM)2007**  
**DI PWTC, KUALA LUMPUR**  
**13 OGOS 2007**

-----

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB DATO' SERI SAMY VELLU  
MENTERI KERJA RAYA

YBHG. DATO' DR. JUDIN BIN ABDUL KARIM  
KETUA PENGARAH, JABATAN KERJA RAYA

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN IZIN-NYA JUA, KITA DAPAT HADIR DI KONVENSYEN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI NEGARA (NAFAM) 2007.

2. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR BERSAMA, IAITU JABATAN KERJA RAYA DAN ADVANCED MAINTENANCE PRECISION MANAGEMENT SENDIRIAN BERHAD, KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA MERASMIKAN KONVENSYEN INI.

3. SEJAK AKHIR-AKHIR INI, KITA SERING MENDENGAR TENTANG SILING YANG BOCOR, LEBUHRAYA YANG MENGALAMI KEREKAHAN, BANGUNAN BARU YANG TIDAK MENEPATI PIAWAIAN, SERTA LAIN-LAIN MASALAH BERKAITAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN. KEJADIAN SEBEGINI TIDAK PATUT BERLAKU DAN MEMBENTUK TANGGAPAN NEGATIF MENGENAI PRESTASI DAN KEBOLEHAN SEKTOR AWAM DAN SEKTOR SWASTA DALAM MENGURUS ASET DAN FASILITI DI DALAM NEGARA.

4. DENGAN ITU, PENGANJURAN NAFAM 2007 AMAT SESUAI DAN TEPAT PADA MASANYA. IA MELAMBANGKAN KESUNGGUHAN KERAJAAN UNTUK MEWUJUDKAN RANCANGAN JANGKA PANJANG YANG KOMPREHENSIF BAGI MEMPERBAIKI MEKANISME PENGURUSAN ASET DAN FASILITI YANG SEDIA ADA. INSYA-ALLAH USAHA-USAHA INI AKAN MEMBUAHKAN HASIL, DAN KITA AKAN DAPAT MENGOPTIMUMKAN ASET DAN FASILITI YANG ADA DI DALAM NEGARA DAN MENGELAK DARIPADA BERLAKU APA-APA KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI.  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

5. KITA HARUS SEDAR BAHAWA PEMBINAAN BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR DI DALAM NEGARA SERING MELIBATKAN SEJUMLAH BESAR WANG, LEBIH-LEBIH LAGI WANG RAKYAT. INI ADALAH SATU AMANAH YANG PERLU DILAKSANAKAN DENGAN SEBAIK MUNGKIN. DENGAN ITU, ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA

BERSAMA UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA PELABURAN YANG DIBUAT ITU BUKAN HANYA DIPELIHARA DENGAN BAIK, MALAH PADA MASA YANG SAMA, DITAMBAH NILAI KE ATASNYA.

6. DALAM KONTEKS PENGURUSAN YANG KURANG BAIK, PIHAK YANG PALING TERJEJAS AKIBAT KELEMAHAN PENGURUSAN ASET DAN BANGUNAN ADALAH PARA PENGGUNANYA. KEADAAN FIZIKAL ASET DAN BANGUNAN YANG KURANG MEMUASKAN MEWUJUDKAN RUANG DAN SUASANA BEKERJA YANG TIDAK KONDUSIF, DAN ADAKALANYA MEMBERI RISIKO TERHADAP KESIHATAN PENGGUNANYA. DENGAN ITU, MASALAH PENGURUSAN YANG LEMAH BUKAN SAHAJA MENJEJASKAN FUNGSI DAN KEGUNAAN KEMUDAHAN AWAM INI, MALAH JUGA MENGGUGAT PRODUKTIVITI PENGGUNA KEMUDAHAN TERSEBUT.

7. OLEH ITU, PENDEKATAN YANG MAPAN DAN KONSISTEN TERHADAP PENGURUSAN ASET DAN KEMUDAHAN AKAN MENYELAMATKAN KITA DARIPADA BERHADAPAN DENGAN PELBAGAI IMPLIKASI NEGATIF YANG MUNGKIN TIMBUL. LEBIH DARIPADA ITU, MERANGKA DAN MELAKSANAKAN SISTEM PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN YANG MAPAN AKAN MEMBERI PELBAGAI FAEDAH DAN KESAN POSITIF TERHADAP NEGARA SECARA KESELURUHANNYA. INILAH YANG SAYA MAKSUDKAN APABILA BERCAKAP TENTANG USAHA MENJANA MENTALITI KELAS PERTAMA DI DALAM MASYARAKAT – YANG JUGA MERANGKUMI BUDAYA PENYELENGGARAAN YANG JITU – SUPAYA SEIRING DENGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KELAS PERTAMA DI DALAM NEGARA.

8. CONTOH YANG JELAS DALAM HAL INI IALAH KESANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI. JARINGAN KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR YANG DISELENGGARA DENGAN BAIK PASTINYA AKAN MENYEDIAKAN RUANG UNTUK INDUSTRI BERKEMBANG DENGAN PESAT. PADA MASA YANG SAMA, IANYA JUGA AKAN MELETAKKAN KITA SEBAGAI DESTINASI PELABURAN YANG MENARIK BAGI PARA PELABUR DARI DALAM DAN LUAR NEGARA. KOMITMEN TERHADAP PERI PENTINGNYA INFRASTRUKTUR TELAH JELAS DITUNJUKKAN DENGAN PELABURAN BERNILAI LEBIH RATUSAN BILION RINGGIT YANG DIBUAT TERHADAP INFRASTRUKTUR KELAS PERTAMA YANG KITA MILIKI HARI INI. NAMUN, TANPA SISTEM PENGURUSAN YANG BERSIFAT JANGKA PANJANG DAN KOMPREHENSIF, INFRASTRUKTUR SERTA KEMUDAHAN TERSEBUT TIDAK AKAN MAMPU BERTAHAN LAMA.

9. SELAIN ITU, SISTEM PENGURUSAN ASET DAN FASILITI YANG MAPAN DAN SISTEMATIK JUGA AKAN MERANGSANG PERTUMBUHAN SEKTOR-SEKTOR KHUSUS DAN TERPILIH. SEKTOR-SEKTOR TERSEBUT AKAN MEMBANGUN DISEBABKAN PERMINTAAN BARU UNTUK PENYELENGGARAAN SERTA PERKHIDMATAN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI DI SETIAP PELUSUK NEGARA. DALAM HAL INI, INDUSTRI PEMBINAAN SERTA INDUSTRI YANG BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN ASET TENTUNYA BOLEH MERAH PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN YANG DIJANA OLEH PENDEKATAN BARU DALAM PENGURUSAN FASILITI NEGARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

10. SAYA PERCAYA, USAHA MENAMBAHBAIK SISTEM PENYELENGGARAAN ASET NEGARA PERLU BERPANDUKAN PRINSIP-PRINSIP TERTENTU, YANG PERLU DIPATUHI SEKIRANYA KITA BENAR-BENAR SERIUS DALAM MENAMBAHBAIK SISTEM PENGURUSAN ASET YANG SEDIA ADA. SAYA INGIN MENEGASKAN BAHAWA

PERKARA ASAS YANG PALING PENTING BAGI MENCAPAI MATLAMAT INI ADALAH PERUBAHAN MINDA DAN SIKAP KEPADA MENTALITI KELAS PERTAMA. INI ADALAH AMAT PENTING BAIK BAGI KAKITANGAN KERAJAAN YANG MEGURUSKAN ASET NEGARA, MAHUPUN BAGI ORANG RAMAI YANG MENGGUNAKANNYA. SETIAP PIHAK PERLU MERASA BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP HARTA YANG DIKONGSI BERSAMA INI.

11. PENDEKATAN YANG JUGA PERLU KITA AMBIL MESTI BERUNSURKAN TERAS PRO-AKTIF DAN BUKAN HANYA BERTINDAKBALAS KEPADA KEADAAN (“REACTIONARY”). DALAM KONTEKS INI, PENGURUSAN ASET FIZIKAL TIDAK BOLEH DITANGGUHKAN KE PERINGKAT AKHIR PERANCANGAN DAN PEMBINAAN BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR. PENGURUSAN FASILITI PERLU LAH MENJADI ASPEK BERSEPADU (“INTEGRATED”) DALAM PROSES PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN KESELURUHANNYA. STRATEGI PENGURUSAN SEBEGINI MERUPAKAN STRATEGI JANGKA PANJANG YANG BERMULA DENGAN PERINGKAT AWAL PERANCANGAN, DAN BERLANGSUNG KE PERINGKAT TAKTIKAL PEMBANGUNAN DAN SETERUSNYA.

12. PENDEKATAN PENGURUSAN YANG BERKESAN DAN INOVATIF JUGA PERLU BERBENTUK HOLISTIK, IAITU MERANGKUMI SECARA KOMPREHENSIF PELBAGAI JENIS PERKHIDMATAN DAN PENGETAHUAN PAKAR TEKNIKAL. DARI PENGURUSAN SUMBER KE PELAKSANAAN KERJA-KERJA KEJURUTERAAN, KERJASAMA STRATEGIK ANTARA SEKTOR-SEKTOR BERLAINAN ADALAH SANGAT PENTING UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM PENGURUSAN ASET DAN FASILITI.

13. DENGAN ITU, PELBAGAI LANGKAH HARUS DIAMBIL BAGI MENINGKATKAN LAGI PENGURUSAN ASET DAN FASILITI DI DALAM NEGARA. SAYA TELAH PUN MENGARAHKAN JABATAN KERJA RAYA UNTUK MENDIRIKAN RANGKA KERJA BARU YANG LEBIH CEKAP DAN BERKESAN DI DALAM BIDANG INI. RANGKA KERJA TERSEBUT AKAN MENJADI ASAS PELAN TINDAKAN YANG AKAN MENGANDUNGI GARIS PANDUAN YANG JELAS SERTA PERATURAN TERPERINCI MERANGKUMI SISTEM PENGURUSAN KESEMUA ASET DAN FASILITI NEGARA.

14. SAYA PERCAYA IANYA MENJADI HARAPAN RAKYAT SUPAYA PELAN TINDAKAN TERSEBUT DILAKSANAKAN DENGAN SEGERA UNTUK MENGELAKKAN TIMBULNYA MASALAH PENYELENGGARAAN, SEPERTIMANA BERLAKU SEJAK AKHIR-AKHIR INI. KERAJAAN BERILTIZAM UNTUK BUKAN SAHAJA MENGGERAKKAN PERANAN YANG DIHARAPKAN, MALAH MELAKSANAKAN PENAMBAHBAIKAN TAHAP ASET DAN FASILITI NEGARA DENGAN KETARA.

15. PENJAGAAN ASET-ASET KITA SECARA KOLEKTIF MELIBATKAN BEBERAPA STRATEGI UTAMA YANG TERSENARAI DALAM MISI NASIONAL BAGI MENCAPAI WAWASAN 2020. MALAHAN, SELAIN PERANAN PENGURUSAN ASET DALAM MENJANA PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT, KEADAAN ASET DAN FASILITI YANG DISELENGGARA DENGAN BAIK JUGA MERUPAKAN BUKTI KUKUH TENTANG BETAPA MAJU ATAU TIDAK SESEBUAH NEGARA ITU.

16. DENGAN ITU, SAYA AMAT BERHARAP KONVENSYEN INI AKAN DAPAT MENANGANI ISU-ISU PALING MENCABAR BERHUBUNG PENGURUSAN ASET DAN FASILITI NASIONAL. INSIDEN-INSIDEN YANG BERLAKU DI SELURUH DUNIA, BUKAN SAHAJA DI MALAYSIA, UMPAMANYA KEJADIAN JAMBATAN RUNTUH DI AMERIKA SYARIKAT AWAL BULAN INI, MENCERMINKAN CABARAN BESAR YANG PERLU KITA HADAPI BERSAMA DALAM MENANGANI ISU INI.

17. DENGAN ITU, PERBINCANGAN ANTARA KERAJAAN DAN INDUSTRI DI KONVENSyen INI DIHARAP DAPAT MENGHASILKAN CADANGAN YANG KONKRIT, PRAKTIKAL SERTA REALISTIK. SAYA BERHARAP KEPUTUSAN KONVENSyen INI JUGA AKAN DAPAT MENYUMBANG KEPADA PEMBENTUKAN RANGKA KERJA PENGURUSAN ASET YANG MENJADI ASAS KEPADA PELAN TINDAKAN KERAJAAN.

18. SEMOGA USAHA PENTING INI AKAN MENDAPAT BERKAT DAN RAHMAT DARI-NYA JUA. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN KONVENSyen PENGURUSAN ASET DAN FASILITI NEGARA 2007.

SEKIAN, TERIMA KASIH.